

TEPAK SIRIH:

**SATU TINJAUAN AWAL DI BEBERAPA NEGARA ASIA TENGGARA DAN ASIA
SELATAN**

OLEH

NORHUDA SALLEH

(Artikel 4)

Artifak budaya seperti tepak sirih merupakan lambing khazanah warisan sesuatu bangsa. Penggunaan tepak sirih di Alam Melayu telah bermula seawal kemunculan kerajaan Melayu Melaka yang banyak dinukilkan dalam karya agung *Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu*. Tepak sirih dipercayai berperanan sebagai lambing adat istiadat sesuatu bangsa seperti dalam istiadat perkahwinan bagi sesetengah masyarakat. Kajian ini akan menjelaskan maksud tepak sirih dalam kalangan negara pengamal makan sirih di rantau Asia. Perbincangan tertumpu kepada tepak sirih yang terdapat di Kepulauan Melayu dan beberapa negara lingkungan pengamal makan sirih. Makalah ini menjelaskan beberapa sampel tepak sirih yang terdapat di negara-negara pengamal makan sirih dari segi fungsi dan kepentingan tepak sirih sebagai bahan artifak sejarah. Bahan kajian diperoleh daripada bahan yang dipamerkan di beberapa muzium yang dilawati dan koleksi orang perseorangan.